

TH TINGKAT PERKHIDMATAN, INGATKAN BAKAL JEMAAH HAJI BERSEDIA LEBIH AWAL

- **Makluman peringatan kepada jemaah bagi musim haji 1447H/2026M untuk bersedia lebih awal.**
- **Persediaan daripada aspek:**
 - **Kemas kini maklumat peribadi.**
 - **kesihatan.**
 - **kewangan.**
 - **pengurusan diri; dan**
 - **penambahan ilmu fardhu ain dan haji.**

KUALA LUMPUR, 5 OGOS 2025: Lembaga Tabung Haji (**TH**), institusi pengurusan haji komprehensif negara, mengeluarkan makluman peringatan awal kepada bakal-bakal jemaah dalam giliran bagi musim haji 1447H/2026M untuk bersedia lebih awal terutamanya dari aspek kemas kini rekod maklumat peribadi, kesihatan, kewangan, pengurusan diri, dan penambahan ilmu berkaitan fardhu ain dan haji.

Giliran menunaikan haji boleh disemak di platform THiJARI atau di pejabat cawangan **TH** di seluruh negara. Langkah proaktif ini selari dengan usaha berterusan **TH** dalam mempertingkatkan perkhidmatan bagi manfaat jemaah haji Malaysia.

Ibadat haji yang merupakan rukun Islam kelima hanya diwajibkan bagi umat Islam yang berkemampuan merangkumi aspek kesihatan, kewangan, kebenaran pihak berkuasa (kuota) dan keselamatan.

Makluman peringatan awal ini dikeluarkan bagi membantu bakal jemaah untuk membuat persediaan sepenuhnya lebih awal kerana berdasarkan pengalaman sebelum ini bakal-bakal jemaah tidak berjaya melayakkan diri menerima tawaran haji terutamanya atas faktor kesihatan dan kewangan. Dengan peringatan awal ini, diharapkan bakal haji dalam giliran akan mempunyai tempoh masa persediaan yang lebih panjang untuk layak menerima dan menjawab tawaran haji.

"Ibadat haji adalah ibadat yang memerlukan persediaan yang amat rapi bagi memenuhi aspek kemampuan menunaikannya (Istitha'). Peringatan mesra dari **TH** ini diharap dapat membantu bakal jemaah meningkatkan ketersediaan mereka untuk layak menjawab tawaran dan kemudian menunaikan ibadat haji dengan lancar bagi mendapatkan haji mabrur, insya-Allah," kata Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Haji Mustakim Mohamad.

Kemampuan Kesihatan

Seperti mana syarat menerima tawaran haji sebelum ini, bakal haji perlu lulus pemeriksaan kesihatan. Ibadat haji memerlukan jemaah berjalan dalam jarak yang jauh, mencecah 10km sehari terutamanya apabila melakukan aktiviti melontar di Mina dalam cuaca tidak menentu. Justeru, persediaan kesihatan fizikal secukupnya adalah amat penting kerana jemaah haji perlu berada di Arab Saudi dalam tempoh yang panjang dan akan melalui suasana berdebu dan cuaca yang panas.

Makluman giliran haji yang lebih awal akan memberi bakal jemaah lebih masa untuk membuat persediaan penjagaan kesihatan seperti aktiviti senaman untuk meningkatkan daya ketahanan badan di samping pemeriksaan kesihatan sendiri bagi menangani keadaan penyakit sedia ada.

Kemampuan Kewangan

Bakal jemaah juga disarankan untuk terus meningkatkan simpanan di **TH** bagi mencukupkan wang belanja haji yang dijangka meningkat dari tahun ke tahun. **TH** juga menyeru bakal-bakal haji untuk menyimpan di **TH** secara berkala serta merangka perancangan kewangan sebaiknya untuk mencukupkan simpanan menjelang tiba tempoh giliran nanti.

"**TH** menyediakan kemudahan untuk para pendeposit menyimpan secara berkala melalui potongan gaji dan potongan dari akaun bank (direct debit) di platform THiJARI. Bakal jemaah haji disarankan untuk mencukupkan simpanan di **TH** sekurang-kurangnya kepada RM15,000, jumlah bayaran haji yang ditetapkan bagi golongan B40 pada 2025 untuk layak menerima tawaran haji dalam tahun giliran," jelas Mustakim.

Pesanan Am

Bakal jemaah haji musim haji 1447H/2026M juga diingatkan untuk menyemak dan mengemas kini rekod profil masing-masing supaya mudah dihubungi **TH** untuk urusan-urusan selanjutnya.

Bakal jemaah haji juga digalakkan mengikuti saluran-saluran media sosial dan laman web rasmi **TH** bagi mendapatkan informasi terkini sebagai persediaan untuk menunaikan haji. **TH** akan turut memulakan siri kursus-kursus bimbingan haji bagi menyediakan bakal-bakal jemaah haji daripada segi rohani dan ilmu pengetahuan ke arah mencapai haji mabrur.

Makluman peringatan awal ini akan dilakukan melalui aplikasi THiJARI, pesanan SMS dan juga emel rasmi dari **TH**. Makluman ini bukan merujuk kepada surat tawaran menunaikan haji tetapi merupakan notifikasi peringatan awal kepada bakal jemaah haji dalam tahun giliran 1447H/2026M.

TH terus mengharumkan nama Malaysia di persada dunia dengan mengekalkan rekod konsisten sebagai model pengurusan haji yang inovatif sehingga mendapat pengiktirafan anugerah berprestij 'Diamond Award' di Majlis Anugerah Labaytum 2025.

Sebelum ini, **TH** telah memenangi anugerah Labaytum untuk dua tahun berturut-turut. Pada tahun 2023, **TH** menerima dua anugerah dalam Kategori Perkhidmatan Terbaik bagi Pejabat Hal Ehwal Haji dan Perkhidmatan dan Program Bimbingan Haji Terbaik. Pada tahun 2024 pula, **TH** menerima Anugerah Labaytum dalam Kategori Perkhidmatan Terbaik Pejabat Hal Ehwal Haji.

-TAMAT-